

# **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

## **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN BIL. 1/1994**

### **DASAR MENGENAI PENGENAAN SEKATAN KEPENTINGAN SEMASA MELULUSKAN PEMBERIANMILIK DI BAWAH SEKSYEN 120 KANUN TANAH NEGARA**

---

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah mengenai dasar pengenaaan sekatan kepentingan semasa meluluskan pemberianmilik tanah di bawah Seksyen 120 Kanun Tanah Negara.

2. Pihak Berkuasa Negeri sebelum ini telahpun menetapkan dasar dan bagaimana cara pengenaaan Sekatan Kepentingan semasa meluluskan pemberianmilik tanah di bawah Sek. 120 Kanun Tanah Negara sebagaimana Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Bil. 4/1978. Bagaimanapun bagi menrealisasikan hasrat Kerajaan untuk memberimilik tanah kepada mereka yang benar-benar layak mengikut kriteria yang ditetapkan, maka satu bentuk “Sekatan Kepentingan” baru dan yang lebih sesuai perlu diwujudkan bagi menjamin tanah-tanah yang diberimilik tidak dipindahmilik untuk satu jangkamasa tertentu.
  
3. Oleh yang demikian Pihak Berkuasa Negeri setelah mengkaji dan menimbang Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan Bil. 2/64/94(40) telah bersetuju menetapkan bahawa pemberianmilik tanah sekarang hendaklah dikenakan “Sekatan Kepentingan” sebagaimana berikut:-

### **Jenis / Cara Pemberian Hakmilik**

### **Sekatan Kepentingan**

- |  |   |
|--|---|
| <p>a) Tanah yang terletak dalam sesuatu sesuatu rancangan atau skim yang teratur seperti kampong baru, pembangunan tanah di bawah Lembaga Pembangunan Wilayah, Rancangan Blok Ketua Jajahan, pemberianmilik berancang dan tanah-tanah yang diperintah haram.</p> | <ol style="list-style-type: none"><li>1. Tanah yang terkandung dalam hakmilik ini tidak boleh dibuat sekarang perkiraan melainkan mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri terlebih dahulu.</li><li>2. Tidak boleh membuat pindahmilik dalam tempoh 10 tahun daripada pendaftaran hakmilik pertama.</li><li>3. Tempoh sekatan pindah milik selama 10 tahun yang dikenakan dalam (II) di atas dikecualikan bagi pindahmilik kepada waris terdekat dan dalam keadaan-keadaan tertentu (Exceptional Circumstances) yang diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan.</li></ol> |
| <p>b) Tanah yang terletak diluar sesuatu rancangan atau skim teratur dan tanah-tanah yang belum diperintah haram.</p>  | <ol style="list-style-type: none"><li>1. Tanah yang terkandung dalam dalam hakmilik ini tidak boleh dibuat sebarang perkiraan melainkan mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri terlebih dahulu.</li></ol>   |

- c) Tanah-tanah yang terletak diluar Rizab Melayu yang diberimilik kepada sesiapa jua.
1. Tanah yang terkandung dalam hakmilik ini tidak boleh dibuat sebarang perkiraan melainkan mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri terlebih dahulu.
4. Pentadbir-pentadbir Tanah bagaimana hendaklah mengambil maklum bahawa Sekatan Kepentingan sebagaimana diperenggan 3 di atas hanyalah dikenakan kepada tanah-tanah di bawah kategori pertanian dan bangunan yang diberimilik kepada individu sahaja dan tidak termasuk tanah-tanah yang diberimilik kepada badan-badan Kerajaan seperti YAKIN, PKINK dan tanah-tanah di bawah kategori industri.
5. Pekeliling PTG.Bil 4/1978 dengan ini dibatalkan.

**t.t**

**(Khalid Bin Kadir)**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN  
BLOK 3, KOTA DARULNAIM,  
15576, KOTA BHARU.**

**BERTARIKH : 20 FEBRUARI 1994**

**KEPADA:**

Semua Pentadbir Tanah, Kelantan.

**SALINAN KEPADA :**

1. Y.A.B. Tuan Guru Menteri Besar Kelantan.
2. Y.B. Timbalan Menteri Besar, Kelantan.  
( Tuan Haji Abdul Halim Bin Abdul Rahman)
3. Y.B. Timbalan Menteri Besar, Kelantan.  
(Tuan Haji Mohd Rozali Bin Isohak)
4. Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan.
5. Y.B. Dato' Pegawai Kewangan Negeri, Kelantan.
6. Y.B. Tuan Penasihat Undang-undang, Negeri Kelantan.
7. Y.A.Brs. Semua Ketua Jajahan, Kelantan.
8. Y.A.Brs Pengarah Penyelesaian Tanah, Negeri Kelantan.
9. YBrs. Setiausaha Mesyuarat Kerajaan, Kelantan.

**Fail : P.T.G. KN. 378/(41)**